

22/07/2001

Polis masih perlengkap siasatan kebakaran DTC

KUALA LUMPUR: Polis memerlukan sedikit masa untuk melengkapkan siasatan berhubung kebakaran yang memusnahkan Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya yang berusia 35 tahun, akhir bulan lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata walaupun sudah menerima laporan pakar daripada jabatan yang turut menyiasat kejadian itu, polis masih perlu melengkapkan siasatan.

Pasukan khas menyiasat kebakaran dewan bersejarah itu yang diketuai polis, turut disertai Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kimia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas dan Universiti Malaya.

"Kita sudah menerima laporan pakar yang menjadi sebahagian daripada siasatan kes berkenaan.

"Oleh kerana siasatan meliputi banyak perkara, polis melihat kepada keseluruhan aspek kes itu sebelum menyiapkan laporan. Jadi, beri masa sedikit (jangkaan siap)," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan diploma dan sijil pada Majlis Konvokesyen Pertama University of Wales College Newport-Kolej Unikop di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi pada 28 Jun lalu, hampir 90 peratus Dewan Tunku Canselor terbakar yang memusnahkan 1,800 jubah serta 2,000 topi akademik dan kerugian ditafsirkan RM12.4 juta.

Berikutan itu, pelbagai pihak mendakwa kebakaran itu dilakukan pelajar yang antikerajaan sebagai membantah kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi penutup Simposium Penegasan Ke Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru, dua hari sebelum kejadian.

Sebelum ini, Berita Harian yang memetik sumber bomba melaporkan siasatan jabatan itu menolak sebarang perbuatan khianat, sebaliknya mencadangkan tiga kemungkinan - sistem pendawaian usang, pertambahan penggunaan tenaga elektrik dan usia bangunan.

Sementara itu, Norian berkata, Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPD) akan menubuhkan satu dana khas bertujuan membantu membiayai kos pengajian anak ahli koperasi.

Dana yang dijangka mengumpul modal sebanyak RM10 juta akan dilancarkan tidak lama lagi. Selain anak ahli koperasi dan pelajar Kolej Unikop, penuntut institusi pengajian tinggi tempatan miskin, akan dipertimbangkan.

"Dana ini adalah tanda komitmen polis dan koperasi dalam merealisasikan agenda pendidikan negara," katanya yang juga Yang Dipertua KPD.

Kolej Unikop, diurus sepenuhnya oleh KOP Educators & Consultants Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KPD. Ia ditubuhkan pada 1996 dan kini mempunyai kira-kira 700 pelajar yang menuntut dalam 11 program.

(END)